

03 NOV 2003

KEKALKAN WARISAN DISIPLIN TUN DR MAHATHIR, KATA ADNAN

KUANTAN, 3 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata warisan paling besar yang ditinggalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad ialah disiplin, yang telah terbukti berjaya memacu negara ke arah kecemerlangan.

"Tun Dr Mahathir dari mula sampai sekarang, daripada dia anak-anak sehinggalah bersara, kita lihat kejayaannya adalah disebabkan disiplin," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan ke Arah Perkhidmatan Cemerlang dan Cintai Negara kakitangan kerajaan negeri di sini hari ini.

Adnan meminta kakitangan awam menjadikan disiplin Dr Mahathir sebagai pegangan kepada mereka bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing.

"Disiplin yang tinggi yang dimiliki Dr Mahathir telah terbukti berjaya menangani pelbagai masalah politik, ekonomi dan sosial negara," kata.

Adnan berkata pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima sepatutnya menjadi kebanggaan kakitangan awam kerana beliau juga bermula sebagai pegawai awam kerajaan.

"Kita yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dapat memimpin negara kita, mempertahankan kedaulatan negara kita dan meneruskan kerja-kerja yang diasaskan oleh Tun Dr Mahathir," katanya.

-- BERNAMA

MS MAI